

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

HTV 201 Teknik Berfikir

Masa: [2 jam]

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI DUA BELAS [12] SOALAN DI
DALAM EMPAT [4] HALAMAN.**

Jawab **DUA** [2] soalan sahaja. **SATU** [1] daripada bahagian A dan **SATU** [1] daripada bahagian B.

Jawapan bahagian A dan B hendaklah diasingkan.

Tulis nama **TUTOR** kamu pada kulit kertas jawapan bahagian B.

Bahagian A. (Jawab **SATU** [1] soalan sahaja)

1. Tahanan yang menjalani hukuman penjara yang panjang akan diberi kemudahan untuk mengadakan hubungan jenis dengan pasangannya.

Kamu adalah Ketua Pengarah Penjara Malaysia dan dikehendaki membuat peraturan-peraturan untuk melaksanakan cadangan ini. Gunakan alat-alat berfikir AGO (Tujuan, matlamat dan objektif), PMI (Baik, buruk dan menarik), CAF (Ambil kira semua faktor), OPV (Ambil kira pendapat orang lain), FIP (Perkara yang diutamakan), APC (Alternatif dan pilihan) dan C&S (Kesan dan akibat) untuk menjana idea-idea.

Senaraikan semua idea kamu itu di bawah setiap alat. Kemudian, dengan menggunakan semua idea itu, buat peraturan-peraturan yang diperlukan bagi melaksanakan cadangan ini.

2. Kerajaan mencadangkan supaya semua agensi pembangunan masyarakat luar bandar seperti FELDA, FELCRA, PERDA, MADA, dll. dikorporatkan.

Kamu dilantik menjadi Pengerusi Eksekutif Syarikat Perunding yang akan membuat keputusan dan memberi perakuan kepada seluruh masyarakat luar bandar yang terlibat dan juga pihak kerajaan. Gunakan alat-alat berfikir PMI (Baik, buruk dan menarik), CAF (Ambil kira semua faktor), OPV (Ambil kira pandangan orang lain), AGO (Tujuan, matlamat dan objektif), FIP (Perkara yang diutamakan), APC (Alternatif dan pilihan) dan C&S (Kesan dan akibat), untuk menjana perkara-perkara yang dibincangkan oleh syarikat kamu.

Senaraikan perkara-perkara yang dibincangkan oleh syarikat kamu itu di bawah setiap alat. Kemudian nyatakan apa nasihat kamu kepada penduduk skim-skim tersebut, dan keputusan dan rancangan kamu kepada kerajaan.

Bahagian B. (Jawab **SATU [1]** soalan sahaja)

(INGAT: Senaraikan semua idea atau perkara yang kamu fikirkan di bawah setiap alat atau topik berfikir. Kemudian, baru buat keputusan, cadangan, penilaian, nasihat, desain, dll.)

3. Kementerian Pendidikan akan menubuhkan sekolah bestari. Gunakan alat berfikir PMI, AGO, FIP dan C&S untuk menilai cadangan ini. Beri penilaian dan cadangan kamu.
4. Syarikat TV3 telah memohon lesen untuk membuat penyiaran 24 jam sehari daripada Jabatan Penyiaran Malaysia. Kamu diarah oleh Menteri Penyiaran Malaysia untuk menilai permohonan ini dan membuat perakuan. Gunakan alat berfikir PMI, CAF, AGO, FIP, APC dan C&S untuk membuat pertimbangan. Apa nasihat kamu kepada Menteri Penyiaran dan beri alasan-alasannya sekali.
5. Salah satu daripada cadangan yang dikemukakan di perhimpunan menteri-menteri kewangan ASEAN ialah untuk mengadakan satu mata wang untuk semua negara ASEAN. Buat PMI, FIP, CAF dan APC dan C&S sebelum kamu membuat keputusan menerima atau menolak cadangan ini. Nyatakan kenapa.

6. Syarikat pembinaan kamu telah ditawarkan untuk membangunkan sebuah kawasan perumahan cerdas (intelligent housing) yang bersifat futuristik. Andaikan lokasi tapak perumahan itu terletak dalam lingkungan 10 km dari Bandaraya Ipoh. Di antara ciri-ciri keselamatan yang perlu ditepati ialah: (a) keselamatan setiap rumah, (b) keselesaan penghuni dari segi dalaman dan luaran rumah, dan (c) mampu meningkatkan dan mewujudkan semangat kejiwaan. Gunakan alat-alat berfikir CAF, AGO, FIP dan APC, untuk menjana idea-idea kamu.

Buat cadangan dan desain kamu. Gunakan ilustrasi seperlunya.

7. Dalam usaha mengkorporatkan universiti, USM memerlukan sumber kewangan yang banyak untuk membiayai kos seluruh universiti. Lihat sumber yang ada pada USM seperti, kursus, penyelidikan, rundingan, kepakaran, padang, tasik, dewan dll. Gunakan enam topi berfikir (hijau - kreatif, kuning - konstruktif, putih - positif, hitam - negatif, biru - rasional dan merah - emosional) untuk menerbitkan idea. Buat cadangan kamu untuk menjana kewangan untuk universiti.
8. Seluruh masyarakat USM (Perak) dikejutkan dengan pengumuman bahawa PETRONAS akan mengambil alih kampus ini untuk dijadikan Universiti Petronas. Kamu adalah presiden persatuan kakitangan USM. Buat CAF, OPV untuk membuat tinjauan pendapat setiap warga kampus; pelajar, pensyarah, kakitangan pentadbiran, kakitangan am dan kakitangan pengurusan tertinggi. Buat AGO, APC, FIP dan C&S untuk meninjau kesan dan akibat yang akan berlaku. Beri cadangan dan nasihat kepada ahli-ahli persatuan kamu sebelum membuat tindakan lanjut.
9. Sebuah kempen memburukkan minyak sawit telah dijalankan oleh pihak tertentu di Amerika Syarikat, atas tuduhan ia mengandungi lemak tepu yang menjadi unsur-unsur perangsang kanser. Kamu adalah orang yang dipertanggungjawabkan untuk mengatasi kempen anti minyak sawit ini. Buat CAF, OPV, APC dan C&S. Kemudian desain strategi untuk menangkis serangan ini.

10. Ada satu produk roti yang berjenama terkemuka membolot pasaran roti di seluruh negara. Dari sebuah kilang di Petaling Jaya, ia kini dapat membolot pasaran roti, sanwic, dan muffin di seluruh negara.

Buat CAF, PMI, OPV, FIP dan APC untuk meninjau apakah ciri-ciri dan faktor yang membolehkan jenama tersebut dipasarkan secara meluas ke seluruh ASEAN pula. Libatkan bidang polimer (pembungkusan), tepung (bahan), kayu, kertas dan penglitup (pembungkusan termasuk penglitup pada plastik pembungkus), peralatan dan kawalan mutu dalam cadangan anda.

Desain rancangan kamu.

11. Malaysia mempunyai lebih 2.5 juta hektar ladang kelapa sawit. Hasilnya diperoses oleh lebih 300 buah kilang. Bahan sisa dari buah yang diperah dianggarkan berjuta-juta ton metrik. Di samping itu terdapat pula bahagian pokok, seperti batang, dahan, tandan yang turut dibuang. Sebahagian besar daripada bahan ini adalah terdiri daripada bahan gentian semulajadi. Bahan-bahan ini cuma dijadikan bahan api atau dibiarkan mereput sahaja. Ini mengakibatkan kos yang tinggi dari segi alam sekitar dan ekonomi.

Gunakan enam topi berfikir (biru - rasional, hijau - kreatif, kuning - konstruktif, putih - positif, hitam - negatif, merah - emosional) untuk menerbitkan idea menggunakan bahan sisa ini bagi menghasilkan produk hiliran yang bernilai tambahan (value added downstream products).

12. Kerajaan Malaysia melarang kilang sabun menggunakan bahan BAS (Branches Akil Sulfonat) sebagai bahan asas untuk menghasilkan produk mereka. Ini adalah kerana bahan asas itu menjadi penyebab utama pencemaran air. Oleh sebab itu kerajaan menggalakkan penggunaan LAS (Linear Akil Sulfonat) sebagai gantinya. Buat PMI, CAF, FIP dan C&S ke atas tindakan yang diambil oleh kerajaan ini.